

20/09/1997

Alaf baru lebih rumit: Mahathir

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membayangkan masa depan negara pada alaf akan datang lebih rumit, mahu generasi muda mengekalkan kestabilan politik dan pembangunan ekonomi bagi menangani cabaran itu.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia pada alaf baru nanti akan berhadapan dengan masalah dan sikap belia, pendatang asing serta tekanan politik dan ekonomi dari luar.

Malah, sekarang sudah ada kecenderungan di kalangan golongan muda untuk memperjuangkan hak kebebasan mutlak, mengamalkan budaya hedonisme dan enggan bekerja keras.

"Cabaran kepada generasi baru ialah terus mengekalkan kestabilan politik dan pembangunan ekonomi negara. Tugas itu bukan mudah.

"Kita sudah pun melihat ada budaya selesa dan keghairahan untuk malas dan berseronok.

"Gejala lepak, bohsia dan penagihan dadah akan memusnahkan kekuatan dan keazaman golongan muda Malaysia.

"Etika kerja bertambah teruk. Mereka menuntut gaji banyak tetapi bekerja sedikit," katanya menyampaikan Syarahan Perdana 'Malaysia Dalam Alaf Akan Datang: Cabaran Bagi Generasi Muda' sempena Pertemuan Alumni Universiti Malaya (UM) di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Hamdan Sheikh Tahir selaku Penasihat Pertemuan Alumni UM; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud; serta lebih 300 ahli Alumni UM.

Dr Mahathir berkata, rakyat asing berhijrah ke negara ini untuk bekerja tetapi akhirnya berasa selesa dan menuntut hak termasuk taraf kewarganegaraan.

Sebarang penafian hak terhadap golongan itu disusuli dengan tekanan daripada seluruh dunia.

"Kita baru-baru ini melihat bagaimana ganasnya spekulator yang telah pun memusnahkan ekonomi kita dalam usaha mereka memperkayakan diri sendiri.

"Ini akan berlaku dan terus berulang. Politik dan ekonomi kita akan dilumpuhkan.

"Malah ada rakyat yang diperalatkan untuk tujuan itu. Tekanan politik ke atas Malaysia akan terus meningkat.

"Konsep demokrasi Barat bahawa individu adalah agung akan dikenakan terhadap Malaysia.

"Ketidakstabilan politik dan kekerapan pertukaran kerajaan akan mewarnai suasana di Malaysia.

"Ramai belia akan rosak dan hanya sebahagian kecil akan bertahan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, perkembangan di negara ini banyak dipengaruhi kejadian di seluruh dunia berikutan konsep perkampungan sejagat dan dunia tanpa sempadan yang membolehkan gerakan manusia, barang serta maklumat berlaku sukar disekat.

"Semua ini kedengaran futuristik tetapi sudah pun berlaku sekarang.

"Gerakan manusia yang begitu muda menyebabkan penghijrahan yang hebat," katanya sambil menambah, orang India, Afrika dan China berhijrah ke Eropah sehingga identiti rakyat di benua itu bukan lagi berkulit putih sebaliknya orang berkulit hitam, kuning dan coklat.

Dr Mahathir juga meminta umat Islam bersikap sederhana bagi membolehkan

agama Islam dihormati dan ajarannya diterima oleh orang lain.

Perdana Menteri berkata, sikap melampau kebanyakan kumpulan yang mendakwa memperjuangkan agama hanya menyebabkan umat Islam sukar menghadapi cabaran pada alaf baru nanti.

"Ada kalangan umat Islam kini cenderung menjadikan agama lebih berbau politik.

"Mereka tafsir agama untuk disesuaikan dengan kepentingan politik.

"Itulah sebabnya di Algeria ada kumpulan sanggup menyembelih orang Muslim lain kerana tidak sehaluan.

"Oleh itu, kita harus mengekalkan kesederhanaan dan tidak mahu agama dijadikan alat politik.

"Dengan itu, perjuangan agama Islam akan lebih baik.

"Jika tidak, fenomena Kamal Atartuk atau Salman Rusdi akan menguasai keadaan.

"Kerana kekecawaan terhadap agama, mereka menjadi sekular," katanya.

Dr Mahathir berkata, ada tanda aliran itu menular di negara ini sekarang dengan menggunakan agama untuk kepentingan politik dan mereka yang terbabit menjadi begitu ekstrim.

Institusi keluarga dan perkahwinan perlu dipertahankan kerana jika ia lumpuh, kekuatan masyarakat terjejas.

Mengenai pelaburan di luar negara yang seolah-olah membawa lebih banyak kerugian, Perdana Menteri berkata, pelaburan sebenarnya memberi banyak keuntungan kepada negara.

"Kita dapati ada ekonomis menggunakan angka tertentu untuk menyokong pendapat yang sudah ditentukan olehnya terlebih dahulu sebelum ada angka berkenaan.

"Dengan itu, pandangannya seolah-olah betul sedangkan sebenarnya ia tidak betul.

"Kerajaan sedia menerima pandangan ahli akademik yang bersikap pragmatik dan praktikal bukan mereka yang mengemukakan teori semata-mata," katanya.

Mengenai Dasar Pandang ke Timur, beliau menjelaskan, kerajaan hanya mempelajari kaedah tertentu orang Jepun dan Korea menguruskan perniagaan dan etika kerja yang menyumbang kepada kejayaan mereka.

(END)